

BAHAGIAN 1

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

PENYEWAAN MESIN PENYALIN (FOTOSTAT) BAGI VENUE MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

1. Bidang Kerja Penyebut Harga

- 1.1. Membekal dan menghantar tujuh (7) unit mesin penyalin (fotostat) hitam/putih seperti yang telah ditetapkan dalam dokumen sebut harga ini.
- 1.2. Menyediakan khidmat penyenggaraan, pembaikan serta membekalkan segala peralatan guna habis seperti toner, drum, roller dan lain-lain tanpa kos kepada pihak Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN). Peralatan yang dibekalkan mestilah dari produk semasa, baru, tulen dan dalam keadaan baik tanpa sebarang kerosakan dan kecacatan.
- 1.3. Menghantar pekerja yang berkecualan untuk memeriksa, menyelaraskan dan menyelenggara kelengkapan mesin-mesin penyalin (fotostat) sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan.
- 1.4. Menyedia dan membekal mesin penyalin (fotostat) gantian dengan segera sekiranya berlaku kerosakan kepada mesin penyalin yang asal.
- 1.5. Menghantar pekerja Syarikat yang berkecualan untuk memasukkan (installed) driver printer mesin penyalin (fotostat) kepada komputer-komputer yang berkaitan di MSN.
- 1.6. Memberi latihan dan bimbingan kepada kakitangan Majlis Sukan Negara Malaysia berkaitan pengoperasian mesin penyalin (fotostat), merangkumi prosedur penggunaan, penyelenggaraan asas dan pengesanan awal kerosakan.
- 1.7. Memastikan tindakan respon awal terhadap aduan kerosakan mesin penyalin (fotostat) dilaksanakan dalam tempoh 1 hingga 3 jam daripada masa aduan diterima.
- 1.8. Sekiranya mesin penyalin (fotostat) tidak dapat dibaiki dalam tempoh dua puluh empat (24) jam, pembekal hendaklah membekalkan mesin pengganti yang baharu atau setara dengan spesifikasi yang sama atau lebih baik secara percuma tanpa sebarang kos tambahan kepada Majlis Sukan Negara Malaysia.

2. Keperluan Kelayakan Penyebut Harga

2.1. Tawaran dipelawa kepada penyebut harga-penyebut harga berikut:-

- (a) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah laku di bawah Kod 221502 (Perkhidmatan Penyewaan dan Pengurusan Mesin dan Peralatan Pejabat) dan bertaraf Bumiputera; dan
- (b) Berpengalaman dalam perkhidmatan sewaan mesin penyalin (fotostat) sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum atau semasa.

2.2. MSN berhak untuk membatalkan pelantikan penyebut harga sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan atau tawaran yang dipersetujui seperti dalam Dokumen Sebut Harga.

3. Borang Sebut Harga

3.1. Sebut harga hendaklah dikemukakan menggunakan format Borang Sebut Harga sepertimana yang ditetapkan. Sebut harga yang tidak dikemukakan menggunakan format borang sebut harga yang berkenaan tidak akan diterima. Walau bagaimanapun, penyebut harga boleh mengemukakan borang atau dokumen tambahan mengikut format dinyatakan untuk memberi penerangan lanjut.

3.2. Penyebut harga dikehendaki menandatangani **Borang Akuan Sebut Harga** seperti yang dilampirkan bagi mengesahkan tawaran sebut harga.

4. Pembekalan dan Penghantaran

4.1. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menghantar tujuh (7) unit mesin penyalin (hitam/putih) dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani ke lokasi penempatan seperti berikut:

Bil	Venue	Unit
1	Kompleks MSN Setiawangsa, Kuala Lumpur	1 Unit
2	Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Kg.Pandan, Kuala Lumpur	1 Unit
3	Kompleks MSN Nilai, Negeri Sembilan	1 Unit
4	Kompleks MSN Saujana Asahan, Melaka	1 Unit
5	Akademi Mokhtar Dahari, Gambang Kuantan	1 Unit
6	Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang	1 Unit
7	Pusat Latihan Kebangsaan Perahu Layar, Langkawi	1 Unit

4.2. Penyebut harga dikehendaki menggantikan setiap item mesin penyalin (fotostat) dengan yang baru dan tulen dengan serta merta sekiranya didapati terdapat kerosakan atau kehabisan toner apabila dimaklumkan.

4.3. Penyebut harga juga dikehendaki memastikan peralatan yang dihantar adalah produk semasa, baru dan tulen dan belum pernah digunakan serta berkeadaan baik dan bebas dari sebarang kerosakan atau kecacatan.

5. Tanggungjawab Penyebut Harga

5.1. Penyebut Harga adalah dikehendaki mematuhi semua syarat berkaitan dengan keselamatan semasa menjalankan kerja dan lain-lain peraturan di mana kerja sedang dilaksanakan.

5.2. Menyediakan dan menyelenggara buku log perkhidmatan penyelenggaraan bagi setiap kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan, di mana buku log tersebut hendaklah ditandatangani dan disahkan oleh kedua-dua pihak, iaitu pihak penyebut harga dan pihak Majlis Sukan Negara Malaysia.

6. Jadual Bayaran

6.1. Penyebut harga yang berjaya dilantik akan dibayar perkhidmatannya setiap bulan sehingga tamat tempoh kontrak setelah disahkan oleh pegawai yang dilantik oleh MSN.

- 6.2. Pembayaran penuh setiap bulan hanya akan dibayar perkhidmatannya setelah Penyebut Harga menyempurnakan kerja dengan sempurna pada bulan tersebut. Invois dan rekod kerja hendaklah dihantar sebelum 10hb. pada bulan berikutnya.
- 6.3. Pengesahan daripada Penyelia mengenai kesempurnaan kerja hendaklah dihantar bersama semasa membuat tuntutan. Kerajaan Negeri tidak akan membuat bayaran jika didapati kerja yang dilaksanakan tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

BAHAGIAN 2

PENENTUAN TEKNIKAL

MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

PEMATUHAN SPESIFIKASI
PENYEWAAN TUJUH (7) UNIT MESIN PENYALIN (FOTOSTAT) CETAKAN HITAM & PUTIH DI VENUE
MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

Bil	Keterangan	Nyatakan	Spesifikasi	Spesifikasi Penyebut Harga
		Ya	Tidak	
1	Jenis Mesin	Mesin baru bukan terpakai (Recon)		
2	Nyatakan Jenama / Model dan Keluaran	Jenama : Model : Keluaran :		
3	Fungsi Mesin	Menyalin, mencetak dan mengimbas		
4	Kuantiti Mesin	Tujuh (7) unit (hitam/putih)		
5	Masa Pemanasan (warm up time)	Tidak melebihi daripada 21 saat		

Bil	Keterangan	Nyatakan	Spesifikasi Penyebut Harga
		Ya	Tidak
6	Cetakan Depan Belakang	Mempunyai teknologi cetakan depan belakang secara otomatis	
7	Resolusi	Tidak kurang dari 600 dpi	
8	Kelajuan Salinan Cetakan Pertama (FCOT)	Tidak melebihi daripada 5 saat	
9	Bilangan dulang (<i>tray</i>)	Sekurang-kurangnya 4 <i>Tray (Normal tray)</i>	
		Dulang sisi (<i>bypass tray</i>) mampu menampung sekurang-kurangnya 100 helai kertas A4/A3	
10	Memori	Sekurang-kurangnya 3GB (Memori)	
		Sekurang-kurangnya 320GB (Hard Disc)	

Bil	Keterangan	Nyatakan	Spesifikasi Penyebut Harga
		Ya	Tidak
11	Document Feeder	Memuatkan tidak kurang dari 100 helaian kertas 80gsm	
12	Saiz Kertas	Sekurang –kurangnya Saiz Kertas dari A5 hingga A3 wide	
13	Pencetakan Terus (<i>Direct Printing</i>)	Mencetak terus aplikasi PDF, TIFF, JPEG, XPS dan sebagainya	
		Mencetak terus dari Pemacu Pena tanpa menggunakan komputer	
14	Pengimbasan	Pengimbasan berwarna dan hitam putih sehingga saiz A3 (11" x 17")	
15	Pengimbasan Depan Belakang	Pengimbasan dokumen dua belah muka surat (<i>double sided</i>)	

Bil	Keterangan	Nyatakan		Spesifikasi Penyebab Harga
		Ya	Tidak	
16	Destinasi Pengimbasan Boleh mengimbas terus ke pelbagai destinasi seperti: a) Mengimbas terus ke Email b) Mengimbas terus ke FTP c) Server d) Mengimbas terus ke Network e) Folder (SMB) f) Mengimbas terus ke Pemacu g) Pena h) Mengimbas terus ke desktop			
17	Hard Disk Overwrite Mesin akan memadam semua data dokumen yang diimbas, disalin atau pun dicetak secara automatik dari memori mesin dan address book			
18	Hard Disk Encryption Didatangkan dengan fungsi penyulitan data PDF dengan kata laluan untuk dokumen-dokumen sulit			

Bil	Keterangan	Nyatakan	Spesifikasi Penyebut Harga
		Ya	Tidak
19	Penjimatan Elektrik (<i>Energy Save</i>)	Mempunyai <i>Auto Power Shut Off Mode</i> .	
20	Penjimatan Elektrik (LED Lamp)	Mempunyai lampu LED	
21	Katalog/Brosur/Risalah	Sila sertakan katalog mesin yang dicadangkan	
Penyelenggaraan			
22	Penyebut harga hendaklah menyediakan khidmat penyelenggaraan <i>Preventive Maintenance</i> secara berkala sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan. Waktu penyelenggaraan: Isnin – Jumaat : 8.30 pagi – 5.00 petang (tidak termasuk cuti am)		
23	Penyebut harga dikehendaki memberi maklumbalas dan tindakan segera terhadap aduan/kerosakan dalam tempoh 1 hingga 3 jam daripada masa aduan.		

Bil	Keterangan	Nyatakan		Spesifikasi Penyebab Harga
		Ya	Tidak	
24	Penyebut harga juga dikehendaki menampal pekat yang mengandungi nombor telefon untuk dihubungi di mesin penyalin sekiranya berlaku kerosakan atau terdapat keperluan penyenggaraan.			
25	Sekiranya penyelenggaraan kerosakan mengambil masa melebihi 24 jam, Penyebut harga hendaklah menyediakan mesin gantian yang setara (<i>loaner unit</i>) tanpa sebarang kos tambahan.			
26	Penyebut harga perlu menyediakan buku log khidmat penyenggaraan bagi setiap pembaikan, penyenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya pada setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan dan perlu ditandatangani oleh wakil MSN dari semasa ke semasa. Setiap buku log penyenggaraan perlu diletakkan di tempat mesin penyalin dan hendaklah dikemaskini setiap kali lawatan dilakukan.			

Bil	Keterangan	Nyatakan		Spesifikasi Penyebut Harga
		Ya	Tidak	
27	Penyebut harga bertanggung jawab untuk membuat penyambungan kepada mana-mana komputer sebagaimana yang telah diarahkan oleh MSN dan melatih sekurangnya MSN bagi setiap lokasi dua (2) orang kakitangan MSN bagi setiap lokasi berkenaan dengan cara-cara penggunaan, pengurusan dan pengenggaraan peralatan secara percuma.			
28	Penyebut harga bertanggung jawab sepenuhnya terhadap semua kos pembekalan segala peralatan guna habis (<i>consumables</i>) seperti toner, drum, roller dan lain-lain bahan sepanjang tempoh penyewaan (tidak termasuk kertas).			
29	Hak milik ke atas peralatan adalah terletak kepada penyebutharga dan akan kekal sepanjang tempoh berkuatkuasanya perjanjian. Selepas tamat tempoh sewaan, peralatan tersebut akan diambil semula oleh penyebutharga tanpa sebarang caj kepada Kerajaan.			

JADUAL TAWARAN HARGA
PENYEWAAN TUJUH (7) UNIT MESIN PENYALIN (FOTOSTAT) CETAKAN
HITAM & PUTIH DI VENUE MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

A. Harga Sewaan Mesin Penyalin (Fotostat)

Bil	Perkara	Unit	Sewaan (RM)	
			Satu (1) Bulan	36 Bulan (3 Tahun)
1	Mesin Penyalin Baru (Hitam/Putih)	7		

B. Harga Cetakan

Bil	Perkara	B1	B2	B3	B4	B1 x B2 x B3 x B4
		Jumlah Unit Mesin	Anggaran Helaian (Sebulan)	Jumlah Bulan	Kadar Cetak Sehelai (RM)	Jumlah Tawaran (RM)
1	Cetakan Hitam / Putih	7 Unit	2,000 Pcs	36 Bulan		

C. Harga Cukai (Sekiranya Ada)

Bil	Harga Cukai Sebulan (RM)	Harga Cukai 36 Bulan (RM)
1		

Jumlah keseluruhan (A+B+C) = RM

Saya bersetuju untuk menawarkan pembekalan ini dengan dengan nilai harga keseluruhan RM bagi tempoh tiga (3) tahun.

Tawaran ini adalah sah bagi tempoh sah laku : **90 Hari** dari tarikh buka sebut harga

Tandatangan wakil/pemilik :

Nama Penuh :

No K/p :

Alamat :

Cop Pembekal :